

KEBERKESANAN PENTERJEMAHAN PUISI KE BAHASA IBUNDA DALAM MENINGKATKAN PEMAHAMAN MURID INDIA TINGKATAN 1

THE EFFECTIVENESS OF TRANSLATING POETRY INTO THE MOTHER TONGUE IN ENHANCING THE COMPREHENSION OF FORM 1 INDIAN STUDENTS

Kirtana Gunasekaran¹
Ilangkumaran Sivanadhan^{2*}

¹ Postgraduate Student, Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia, (E-mail: kirtu_57@yahoo.com)

² Department of Modern Language, Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia (E-mail: ilangkumaran@fbk.upsi.edu.my)

*Corresponding author: ilangkumaran@fbk.upsi.edu.my

Article history

Received date : 12-11-2025

Revised date : 13-11-2025

Accepted date : 29-12-2025

Published date : 31-12-2025

To cite this document:

Gunasekaran, K., & Sivanadhan, I. (2025). Keberkesanan penterjemahan puisi ke bahasa ibunda dalam meningkatkan pemahaman murid India Tingkatan 1. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 832 – 842.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penterjemahan puisi Bahasa Melayu dalam bahasa ibunda (Tamil) dalam membantu murid India Tingkatan 1 memahami maksud puisi, khususnya puisi yang bertajuk “Kuingin Berterima Kasih”. Penyelidikan ini berlandaskan pada kenyataan bahawa pelajar yang bukan penutur asli Bahasa Melayu sering mengalami kesulitan dalam menguasai bahasa ini, terutama ketika berhadapan dengan karya sastera yang sarat dengan gaya bahasa simbolik, metafora, dan unsur budaya Melayu yang rumit. Masalah dalam pemahaman ini menjadi salah satu penyebab utama rendahnya prestasi pelajar dalam ujian pemahaman teks sastera. Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen telah digunakan. Kajian ini melibatkan 25 orang murid India Tingkatan 1 sebagai responden. Mereka menjalani ujian pra dan pasca serta mengisi borang soal selidik setelah membaca cerpen yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Tamil. Kaedah ini memungkinkan penilaian perubahan dalam tahap pemahaman murid secara empirikal. Hasil kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam pencapaian akademik dan kepercayaan diri pelajar terhadap teks selepas membaca versi terjemahan. Dengan itu, pendekatan pengajaran dwi-bahasa dicadangkan sebagai salah satu strategi sokongan dalam pengajaran dan pembelajaran sastera Bahasa Melayu untuk pelajar pelbagai kaum di Malaysia.

Kata Kunci: Penterjemahan, Puisi, Teks Sastera

Abstract: This study aims to evaluate the effectiveness of translating a Malay poem into the mother tongue (Tamil) in helping Form 1 Indian students understand the meaning, specifically the poem titled "Kuingin Berterima Kasih". The study is predicated on the idea that non-native Malay speakers frequently struggle to learn the language, especially when reading literary

works that are full of metaphors, symbolic language, and intricate Malay cultural components. One of the primary causes of students' poor performance on literary text comprehension tests is these understanding problems. In this study, an action research approach was employed involving 25 Form 1 Indian students as participants. They underwent pre- and post-tests and completed a questionnaire after reading the short story translated into Tamil. This method allowed for the empirical assessment of changes in students' understanding levels. The findings showed a significant improvement in both academic achievement and students' confidence in engaging with the text after reading the translated version. Therefore, a bilingual teaching approach is proposed as a supportive strategy in the teaching and learning of Malay literature for students of various ethnic backgrounds in Malaysia.

Keywords: *Translation, Poem, Literature*

Pengenalan

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai medium pengajaran dan pembelajaran (PdP) utama dalam konteks pendidikan pelbagai budaya dan warisan di Malaysia mewujudkan kesukaran linguistik yang signifikan bagi pelajar bukan penutur jati. Keadaan ini amat ketara dalam kalangan pelajar berketurunan India yang menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pertama, di mana halangan bahasa yang timbul menyekat keupayaan mereka untuk menghayati dan menguasai kandungan kurikulum, terutamanya teks sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang sarat dengan konotasi budaya dan warisan kebangsaan.

Puisi seperti "Kuingin Berterima Kasih" mengandungi pelbagai gaya bahasa kiasan, simbolisme budaya, nilai moral dan struktur ayat kompleks yang memerlukan tahap penguasaan bahasa yang tinggi untuk difahami sepenuhnya. Situasi ini menjadi lebih mencabar apabila murid tidak mempunyai pendedahan bahasa Melayu yang meluas di rumah atau dalam persekitaran sosial mereka. Hal ini menyebabkan pelajar mengalami kekaburan makna, salah tafsir, serta hilang keyakinan dalam menjawab soalan-soalan berkaitan teks sastera. Keadaan ini turut memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar dalam subjek Bahasa Melayu, sekali gus melemahkan minat dan motivasi mereka untuk terus mendalami bidang sastera.

Memandangkan kepentingan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan, kaedah pengajaran yang lebih fleksibel dan inklusif perlu dipertimbangkan segera. Penterjemahan ke dalam bahasa ibunda pelajar dikenal pasti sebagai strategi sokongan yang berpotensi untuk mengatasi cabaran ini. Penterjemahan ini membolehkan murid memahami maksud dan nilai dalam teks sastera dengan lebih jelas, lantas merapatkan jurang kefahaman yang menjadi penghalang utama dalam pembelajaran mereka.

Pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan tahap pemahaman murid terhadap isi kandungan puisi, tetapi juga mampu menggalakkan murid melibatkan diri dengan aktif dalam aktiviti kelas, perbincangan kumpulan, dan penghargaan terhadap karya sastera itu sendiri. Kajian ini bertolak daripada kesedaran bahawa murid yang difahami dalam bahasa yang mereka kuasai dengan baik, akan lebih bersedia untuk meneroka kandungan dalam bahasa kedua secara lebih mendalam dan bermakna.

Pernyataan Masalah

kajian oleh Khairuddin Siran (2005) mendapati hanya 57% murid berminat untuk mempelajari KOMSAS, dan cabaran ini lebih meruncing bagi murid bukan Melayu (termasuk India) yang mempunyai tahap kemahiran bahasa yang berbeza-beza. Kebanyakan murid India

menghadapi kesukaran kritikal dalam menginterpretasi teks sastera Bahasa Melayu, terutamanya genre puisi. Analisis mendapati masalah ini disumbangkan oleh faktor linguistik (kekurangan kosa kata dan penguasaan istilah sastera), konteks budaya (latar belakang konten puisi yang tidak selari dengan pengalaman hidup pelajar), dan gaya bahasa (penggunaan bahasa figuratif dan metafora, seperti yang terdapat dalam "Kuingin Berterima Kasih"). Akibatnya, murid mengalami penurunan motivasi, keyakinan diri, dan kemerosotan pencapaian dalam penilaian sastera. Berdasarkan dilema ini, relevansi penggunaan bahan sokongan dalam bahasa ibunda untuk meningkatkan pemahaman pelajar perlu dikaji.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Mengenal pasti tahap kefahaman murid terhadap puisi "Kuingin Berterima Kasih" sebelum dan selepas teks diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil.
- ii. Menilai keberkesanan penterjemahan dalam meningkatkan kebolehan murid menjawab soalan-soalan pemahaman berdasarkan puisi.
- iii. Menganalisis persepsi murid terhadap penggunaan teks sastera dalam bahasa ibunda sebagai bahan bantu pembelajaran.

Sorotan Literatur

Cummins (2000) menekankan konsep 'interdependensi bahasa' yang menyatakan bahawa kemahiran dalam bahasa pertama menyokong penguasaan dalam bahasa kedua. Menurut beliau, apabila murid diberikan peluang untuk memahami konsep dalam bahasa yang mereka kuasai, mereka lebih mudah memindahkan pengetahuan tersebut ke dalam bahasa kedua.

Menurut Vygotsky (1978), bahasa ialah alat utama dalam perkembangan kognitif, di mana interaksi sosial yang menggunakan bahasa ibunda sangat penting untuk pembentukan konsep dan pemahaman. Hal ini menggariskan bahawa bahasa ibunda berfungsi bukan hanya sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai medium pemikiran dan pemprosesan ilmu.

Kajian yang dijalankan oleh Logeswaari Elumalai dan Veeramohan Veeraputhran (2019) meneliti kepentingan penterjemahan dinamis dalam berita jenayah daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Tamil bagi memastikan masyarakat India di Malaysia mendapat akses maklumat yang tepat. Penyelidikan ini berteraskan teori Eugene Nida (1964) yang menekankan kepentingan 'kata sepadan' untuk mengatasi isu ketidakterjemahan (*untranslatability*) dan mengelakkan kekeliruan pembaca akibat terjemahan harafiah yang kaku. Dapatan kajian melalui soal selidik terhadap 100 responden membuktikan bahawa penterjemahan dinamis bukan sahaja memudahkan kefahaman pembaca terhadap istilah perundangan yang kompleks, malah berfungsi sebagai jambatan sociolinguistik yang menjamin mesej asal disampaikan dengan kesan emosi yang serupa dalam bahasa sasaran. Secara tuntasnya, kajian ini menegaskan bahawa keberkesanan terjemahan berita jenayah sangat bergantung kepada kebolehan penterjemah dalam menyelaraskan nuansa bahasa sumber dengan konteks budaya pembaca sasaran bagi mengelakkan salah faham maklumat keselamatan.

Kajian Anbalagan (2019) membuktikan bahawa apabila teks sastera diajar dalam konteks budaya dan bahasa murid India, motivasi dan pemahaman mereka meningkat dengan ketara. Murid juga didapati lebih aktif dalam perbincangan dan mampu mengaitkan kandungan teks dengan pengalaman peribadi. Ini secara jelas menunjukkan bahawa intervensi bahasa ibunda memberi impak positif bukan sahaja kepada prestasi akademik, malah turut meningkatkan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran.

Tambahan lagi, pendekatan pedagogi translanguaging yang membenarkan murid menggunakan lebih daripada satu bahasa dalam proses pembelajaran turut menyokong strategi ini. Translanguaging memberi ruang kepada murid untuk membina kefahaman secara fleksibel dengan menggunakan kekuatan linguistik mereka sendiri. Menurut Krashen (1985), murid memperoleh bahasa kedua secara lebih berkesan apabila input disampaikan pada tahap yang boleh difahami (comprehensible input). Oleh itu, teks terjemahan boleh berfungsi sebagai input yang boleh difahami, sekali gus mempercepat proses pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Selain itu, pelbagai kajian menyokong keberkesanan integrasi bahasa ibunda dalam pengajaran. Gill & Mohamad (2013) mendapati bahawa murid etnik minoriti mencapai prestasi lebih cemerlang apabila elemen budaya dan bahasa ibunda dimasukkan. Penemuan ini disokong oleh Muthusamy (2016), yang menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Tamil dalam pengajaran sejarah meningkatkan pemahaman pelajar terhadap kronologi dan konsep penting. Bahkan, Chitrakala (2020) turut menegaskan bahawa mu yang menggunakan strategi dwibahasa dalam kelas sastera menjadi lebih aktif dan menunjukkan prestasi ujian yang lebih baik.

Seterusnya, dalam kajian oleh Surenthira (2021), guru yang menggunakan penterjemahan sebagai alat bantu dalam pengajaran Bahasa Melayu mendapati penglibatan pelajar meningkat dan tahap soalan beraras tinggi dapat dicapai dengan lebih baik. Norazah (2017) pula menegaskan kepentingan 'culturally responsive teaching' dalam bilik darjah yang majmuk untuk meningkatkan hasil pembelajaran dan memperkukuh hubungan antara pelajar dan guru. Tambahan lagi, kajian oleh Lee & Lee (2018) di Korea mendapati pendekatan dwibahasa amat membantu pelajar minoriti dalam memahami teks Bahasa Korea yang kompleks, sekaligus menyumbang kepada motivasi dan kesejahteraan emosi pelajar.

Statistik daripada Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia (MIB) yang menunjukkan 56% murid India lemah dalam Bahasa Malaysia (2011) membuktikan bahawa asas bahasa yang rapuh memberi impak langsung kepada keupayaan mereka untuk mengapresiasi sastera pada tahap yang lebih tinggi.

Mengikut teori Cummins (2000), kemahiran dalam bahasa pertama (Tamil) menyokong penguasaan bahasa kedua (BM). Apabila konsep diterangkan dalam bahasa yang dikuasai, murid lebih mudah memindahkan pengetahuan tersebut, yang dibuktikan dengan 93% murid setuju mereka faham puisi dengan lebih baik melalui versi Tamil.

Berdasarkan bukti-bukti yang telah dikemukakan, sorotan literatur ini dengan jelas memantapkan justifikasi kajian untuk mengaplikasikan strategi penterjemahan dan pendekatan dwibahasa dalam konteks pengajaran sastera. Pendekatan ini dijangka menghasilkan impak positif yang ketara merangkumi dimensi pencapaian akademik, penguasaan linguistik, dan kesejahteraan psikososial dalam kalangan murid bukan Melayu.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini ialah kajian tindakan dengan pendekatan campuran (mixed method), yang menggunakan data kuantitatif dan kualitatif untuk menilai kesan penterjemahan bahasa ibunda ke atas kefahaman sastera pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 20 pelajar India Tingkatan 1 di SMK Methodist ACS Parit Buntar, dipilih secara persampelan bertujuan kerana mempunyai penguasaan Bahasa Melayu sederhana ke rendah (berdasarkan UASA).

Kajian ini dijalankan secara berperingkat dalam empat fasa utama:

- Fasa 1: Ujian Pra (Kuantitatif)

Murid membaca puisi "Kuingin Berterima Kasih" dalam versi asal Bahasa Melayu. Selepas itu, mereka menjawab lima soalan pemahaman terbuka bagi mengukur tahap awal kefahaman terhadap kandungan teks. Soalan-soalan ini memfokuskan kepada makna tersurat, tersirat, tema, mesej moral puisi.

- Fasa 2: Intervensi Penterjemahan

Puisi diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil oleh guru pelaksana dengan mengekalkan maksud asal serta nuansa budaya teks. Murid membaca versi Tamil yang telah ditransliterasi secara manual dan dibincangkan dalam sesi pengajaran.

- Fasa 3: Ujian Pasca (Kuantitatif)

Untuk menilai keberkesanan intervensi penterjemahan, murid dikehendaki menjawab semula set sepuluh soalan yang serupa sejurus selepas pendedahan kepada teks dalam Bahasa Tamil. Data jawapan ini kemudiannya dianalisis secara terperinci bagi mengukur perubahan dalam tahap kefahaman dan menentukan impak penterjemahan terhadap penguasaan konsep mereka.


- Fasa 4: Soal Selidik dan Pemerhatian (Kualitatif)

Untuk mengukur persepsi murid terhadap keberkesanan teks terjemahan, mereka diminta melengkapkan soal selidik skala Likert lima mata yang mengandungi 10 item. Selain itu, guru pelaksana turut membuat pemerhatian sistematik untuk merekod penglibatan murid semasa aktiviti pengajaran dan sesi perbincangan. Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah disemak dan disahkan oleh tiga orang pakar dalam bidang Bahasa Tamil yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas. Mereka terdiri daripada seorang Guru Cemerlang Bahasa Tamil dan Pemeriksa Kertas SPM Bahasa Melayu (guru India).

Instrumen Kajian

- ✓ Set soalan pemahaman (10 soalan terbuka yang sama digunakan dalam pra dan pasca ujian)
- ✓ Soal selidik skala Likert (6 item)

Data kuantitatif (ujian pra/pasca dan soal selidik) dianalisis untuk mengukur perubahan skor purata. Sementara itu, data kualitatif (catatan pemerhatian guru dan maklum balas pelajar) dianalisis menggunakan analisis tema. Pendekatan triangulasi data digunakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dapatan. Gabungan kedua-dua jenis data ini membolehkan penyelidik mengenal pasti bukan sahaja peningkatan skor akademik, tetapi juga aspek afektif dan perubahan sikap pelajar terhadap pembelajaran sastera melalui bahasa ibunda.



Rajah 1: Kerangka Kajian

Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan saiz sampel yang kecil, iaitu hanya 20 orang pelajar dari sebuah sekolah menengah harian. Sampel ini tidak mewakili keseluruhan populasi pelajar India atau pelajar bukan Melayu di Malaysia. Kedua, kajian ini memberi fokus kepada satu kumpulan etnik sahaja, iaitu pelajar India yang bertutur dalam bahasa Tamil. Ini menghadkan generalisasi kepada kumpulan pelajar etnik lain seperti pelajar Cina, Iban, Kadazan dan lain-lain yang juga mungkin menghadapi cabaran serupa dalam memahami teks sastera Bahasa Melayu.

Ketiga, kajian ini hanya melibatkan satu puisi, iaitu "Kuringin Berterima Kasih". Keberkesanan strategi penterjemahan belum diuji terhadap pelbagai jenis teks sastera lain seperti cerpen, drama atau novel. Keempat, tempoh pelaksanaan kajian yang singkat menyukarkan penilaian

terhadap kesan jangka panjang intervensi. Kajian ini tidak merangkumi pemerhatian terhadap perubahan sikap pelajar, kemahiran bahasa jangka panjang atau pengaruh terhadap prestasi keseluruhan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Akhir sekali, walaupun dapatan kajian ini menyokong pendekatan penterjemahan sebagai alat bantu, ia masih memerlukan penyelidikan lanjutan yang lebih luas, mendalam dan melibatkan pelbagai kumpulan pelajar serta pelbagai jenis teks sastra.

Dapatan Kajian

Kesukaran Utama Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pmurid menghadapi pelbagai cabaran signifikan dalam memahami puisi) "Kuingin Berterima Kasih" dalam versi Bahasa Melayu. Kesukaran utama dikenal pasti berpunca daripada ketidakfahaman maksud tersirat dan simbolik, serta jurang nilai budaya Melayu yang asing kepada latar belakang murid. Selain itu, struktur ayat yang kompleks dan penggunaan kosa kata sastra yang jarang digunakan turut menyumbang kepada masalah pemahaman. Akibatnya, pelajar cenderung membaca secara literal tanpa mencapai interpretasi mendalam, yang seterusnya menyebabkan mereka menjadi pasif dan tidak berani menyuarakan pendapat semasa perbincangan kelas.

Peningkatan Prestasi Akademik

Penganalisan skor ujian pra dan pasca menunjukkan peningkatan ketara dalam tahap kefahaman pelajar selepas teks cerpen diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda. Dalam ujian pra, sebahagian besar pelajar hanya mencapai markah purata bawah 50%, dengan ramai pelajar menjawab secara tidak tepat atau tidak lengkap kerana gagal memahami soalan dan kandungan teks. Namun, dalam ujian pasca selepas intervensi penterjemahan, sebanyak 80% pelajar mencatat markah melebihi 70%. Ini menunjukkan peningkatan min yang ketara daripada 43% kepada 78%, menggambarkan keberkesanan penggunaan teks terjemahan dalam membantu murid memahami, menafsir, dan menjawab soalan berdasarkan puisi.

Jadual 1 : Markah Ujian Pra dan Pasca

Jenis Ujian	N	Min markah (%)	Sisihan Piawai (SD)	Nilai-t	Nilai-p
Ujian Pra	20	43	8.5	-15.42	.000*
Ujian Pasca	20	78	7.2		

Hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang sangat signifikan antara markah Ujian Pra ($M=43.0$, $SD=8.5$) dan Ujian Pasca ($M=78.0$, $SD=7.2$). Peningkatan min sebanyak 35% ini membuktikan keberkesanan intervensi yang dijalankan Analisis statistik menggunakan Ujian-t sampel berpasangan menunjukkan peningkatan prestasi yang signifikan [$t(19) = -15.42$, $p < .000$] selepas murid didedahkan dengan teks puisi versi bahasa Tamil. Dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa penggunaan bahasa ibunda sebagai jambatan kognitif secara empirikal dapat meningkatkan keupayaan murid bukan penutur jati untuk menguasai komponen sastra Bahasa Melayu dengan lebih cemerlang

Persepsi Pelajar

Data soal selidik menunjukkan respon positif yang dominan daripada pelajar, di mana 90% bersetuju mereka lebih memahami isi, tema, dan nilai teks selepas membaca dalam versi Tamil. Lebih penting lagi, hasil ini melangkaui aspek kefahaman (kognitif) kepada aspek afektif dan tingkah laku: murid melaporkan peningkatan dalam keyakinan dan keseronokan, serta menunjukkan keaktifan yang lebih tinggi dalam perbincangan. Ini membuktikan bahawa penggunaan teks dalam bahasa ibunda berupaya memudahkan proses pemahaman dan pada masa yang sama merangsang motivasi dalaman murid terhadap subjek sastera.

Jadual 2 : Maklum balas terbuka murid

Bil	Pernyataan	% Pelajar Setuju/ Sangat Setuju
1	Saya memahami puisi dengan lebih baik selepas membaca versi Tamil.	93%
2	Penterjemahan membantu saya menjawab soalan pemahaman dengan lebih yakin.	92%
3	Saya lebih seronok membaca versi Tamil berbanding versi asal.	87%
4	Puisi versi Tamil mudah difahami dan membantu saya mengenal pasti tema.	91%
5	Saya lebih yakin untuk menyertai perbincangan kelas selepas membaca Tamil	86%
6	Saya mahu lebih banyak teks diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda.	92%

Maklum balas terbuka murid juga memberikan gambaran jelas bahawa mereka lebih menghargai nilai estetika dan mesej moral dalam puisi apabila teks tersebut disampaikan dalam bahasa yang dekat dengan mereka. Salah seorang pelajar menulis, “Bila saya baca versi Tamil, saya rasa saya betul-betul faham maksud tersirat yang ingin disampaikan oleh penulis.” Dapatan ini mengesahkan bahawa pendekatan dwibahasa bukan sekadar berfungsi sebagai alat penterjemahan semantik, tetapi juga sebagai jambatan empati dan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna. Sebanyak 90% pelajar bersetuju bahawa teks Tamil membantu mereka lebih memahami cerita.

Mereka juga menyatakan bahawa mereka berasa lebih yakin dan seronok belajar sastera. Murid turut memberikan maklum balas terbuka yang menunjukkan bahawa mereka lebih menghargai nilai sastera apabila dibaca dalam bahasa ibunda. Ada dalam kalangan mereka menyatakan bahawa ini kali pertama mereka benar-benar memahami mesej sebenar cerpen. Dapatan ini memperkukuh keberkesanan pendekatan dwi-bahasa dalam pengajaran sastera.

Perbincangan

Dapatan kajian ini secara konklusif menunjukkan bahawa intervensi penterjemahan teks puisi ke dalam bahasa ibunda adalah efektif dan memberi impak positif terhadap kefahaman pelajar India. Strategi ini membuka ruang pembelajaran yang lebih inklusif, membolehkan pelajar menguasai makna tersurat dan tersirat serta membuat perkaitan kontekstual dengan pengalaman

seharian mereka. Penemuan ini selari dengan prinsip bahawa proses pembelajaran menjadi lebih bermakna apabila pelajar mampu mengaitkan pengetahuan baharu dengan skema budaya dan linguistik mereka sendiri.

Hasil kajian mendedahkan peningkatan prestasi yang ketara, dibuktikan melalui skor ujian pasca yang signifikan. Peningkatan ini turut diiringi oleh impak afektif yang positif, dilihat melalui peningkatan persepsi keseronokan dan keyakinan pelajar dalam subjek sastera. Murid didapati bukan sahaja dapat menguasai pemahaman naratif dan mesej tematik, malah turut mempamerkan penglibatan yang lebih tinggi serta keaktifan dalam menyuarakan pendapat semasa perbincangan. Secara inferens, ini mengukuhkan bahawa pembelajaran dalam bahasa yang dikuasai dapat meningkatkan keterlibatan kognitif serta pencapaian akademik.

Kajian ini turut menyokong pandangan bahawa sokongan bahasa ibunda dalam bilik darjah bukan sahaja membantu pemahaman akademik, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan emosi murid. Murid merasa lebih dihargai, dihormati dan diberi peluang untuk bersuara, khususnya dalam konteks kelas sastera yang sering kali memerlukan ekspresi peribadi dan pemikiran kritis. Keadaan ini penting dalam membentuk suasana pembelajaran yang inklusif dan responsif terhadap keperluan pelajar pelbagai kaum, terutama dalam sistem pendidikan yang majmuk seperti Malaysia.

Kejayaan implementasi pendekatan dwibahasa tidak dapat dicapai secara autonomi tanpa perancangan strategik dan dukungan institusi yang komprehensif. Terdapat keperluan kritikal bagi sokongan pentadbiran sekolah, program latihan guru, dan pembangunan bahan bantu mengajar (BBM) yang relevan. Lebih spesifik, guru perlu dilengkapi dengan pendedahan dan kemahiran dalam pedagogi rentas bahasa (cross-linguistic pedagogy). Keperluan ini timbul kerana, tanpa pemahaman yang mendalam terhadap latar linguistik dan budaya pelajar, guru berisiko mengalami kesukaran dalam mengoptimumkan pelaksanaan pendekatan dwibahasa tersebut.

Kajian ini turut mencetuskan dialog kritikal tentang keperluan untuk mengukuhkan sumber pembelajaran yang inklusif budaya. Untuk masa hadapan, keberkesanan pendekatan ini boleh ditingkatkan melalui tiga strategi utama: penerbitan bahan sastera format dwibahasa, pembangunan latihan interaktif, dan integrasi teknologi pendidikan. Melalui kolaborasi strategik antara pelbagai pihak berkepentingan (KPM, penerbit, guru, dan ibu bapa), pendekatan penterjemahan ini berpotensi untuk diperluas dan diseragamkan agar sesuai dengan kerencaman konteks etnik dan lokaliti pendidikan di Malaysia.

Secara ringkas, perbincangan ini menunjukkan bahawa pendekatan penterjemahan ke bahasa ibunda bertindak sebagai dwifungsi yang penting. Ia bukan sahaja meningkatkan kefahaman sastera pelajar secara berkesan (aspek kognitif), malah turut mempertingkatkan dimensi afektif (seperti keyakinan) dan sosial (seperti penglibatan perbincangan) dalam proses pembelajaran.

Cadangan

Sebagai kesinambungan daripada dapatan dan perbincangan kajian, beberapa resolusi tindakan telah dirumuskan untuk menjamin keberkesanan dan kelestarian pendekatan penterjemahan di institusi pendidikan menengah yang menampung pelajar pelbagai etnik. Cadangan yang dikemukakan ini adalah bersifat komprehensif, merangkumi reformasi pada peringkat kurikulum, latihan profesional, teknologi, penglibatan komuniti, dan dasar pendidikan.

Modul pengajaran sastra yang mengandung versi dwibahasa (Bahasa Melayu dan Tamil) perlu dibangun agar pelajar dapat merujuk kedua-dua teks serentak. Modul ini boleh mengandungi latihan interaktif, glosari istilah sastra, nota kaki penjelasan budaya, dan panduan pemahaman. Modul seperti ini akan memberi sokongan berganda kepada pelajar dalam memahami konteks cerita, nilai budaya dan unsur estetika sastra dengan lebih mendalam.

Bagi memastikan pelaksanaan yang efektif, latihan profesional dalam pedagogi rentas bahasa adalah wajib untuk guru. Latihan ini mesti merangkumi cara untuk mengintegrasikan penterjemahan, translanguaging, dan tukar kod ke dalam pengajaran harian. Cadangan pelaksanaan kursus atau bengkel pedagogi pelbagai bahasa secara berkala (dianjurkan oleh KPM/IPG) bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kepekaan guru terhadap keperluan linguistik pelajar, yang seterusnya akan menghasilkan strategi pengajaran yang lebih inklusif.

Penggunaan aplikasi digital atau laman web interaktif yang menawarkan teks sastra dalam pelbagai bahasa mampu menyokong pembelajaran sendiri di luar waktu formal. Teknologi ini boleh berfungsi untuk: menterjemah perkataan, melakukan semakan kefahaman automatik melalui kuiz, dan membolehkan perbincangan maya dalam kedua-dua bahasa. Inisiatif ini bukan sahaja menarik minat pelajar generasi digital, tetapi juga menjadikan proses pembelajaran sastra lebih fleksibel.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan penterjemahan teks puisi ke dalam bahasa ibunda memberikan impak positif yang ketara terhadap pemahaman dan motivasi pelajar India dalam Bahasa Melayu. Strategi ini bukan sahaja meningkatkan penguasaan pelajar terhadap isi kandungan sastra, tetapi juga memperkukuh penglibatan mereka dalam pembelajaran, meningkatkan keyakinan diri, dan mewujudkan minat mendalam terhadap sastra Bahasa Melayu.

Selain daripada aspek kognitif, kajian ini turut membuktikan bahawa pendekatan ini membantu memperkasa pelajar dalam aspek emosi dan sosial. Apabila pelajar diberi peluang untuk memahami teks dalam bahasa yang dekat dengan diri mereka, mereka lebih mudah menyatakan pendapat, berinteraksi secara aktif dan menunjukkan komitmen dalam kelas. Ini turut menyumbang kepada suasana pembelajaran yang lebih positif, inklusif dan responsif terhadap keperluan sebenar pelajar pelbagai latar belakang.

Keberkesanan strategi penterjemahan ini adalah bergantung pada kolaborasi sinergistik antara guru, pentadbir sekolah, pembuat dasar pendidikan, dan ibu bapa. Peranan guru sebagai fasilitator harus disempurnakan dengan sensitiviti terhadap kepelbagaian linguistik pelajar. Pihak institusi sekolah pula perlu memastikan ketersediaan sumber bahan, alokasi masa, dan peluang pembangunan profesional guru. Paling penting, pihak Kementerian perlu menimbang untuk menjadikan pendekatan dwibahasa ini sebagai dasar atau panduan formal dalam pengajaran sastra, terutamanya bagi pelajar bukan penutur jati.

Sebagai rumusan, kajian ini mengesyorkan bahawa strategi penterjemahan ke dalam bahasa ibunda perlu diangkat melebihi status alat sokongan sementara, sebaliknya diinstitusikan sebagai pendekatan pedagogi alternatif yang diiktiraf. Melalui implementasi yang terancang, strategi ini berpotensi besar untuk mencapai tiga matlamat utama: peningkatan pencapaian

akademik, pemartabatan sastra Melayu, dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dalam kerangka pendidikan kebangsaan.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI, atas peluang dan sokongan dalam menyiapkan penulisan ini. Ucapan terima kasih khas ditujukan kepada penyelia utama, Dr. Ilankumaran a/l Sivanadhan, atas bimbingan, nasihat, dan dorongan berterusan. Penulis juga menghargai sumbangan pensyarah fakulti serta rakan-rakan yang telah memberikan sokongan akademik, motivasi, dan kerjasama sepanjang proses penyelidikan dan penulisan.

Rujukan

- Anbalagan, K. (2019). Peranan bahasa ibunda dalam pengajaran sastra dalam kalangan pelajar India di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 14(2), 25–38.
- Baker, C. (2011). *Foundations of bilingual education and bilingualism* (5th ed.). Multilingual Matters.
- Bukari, H., & Awang Kechik, N. (2022). Pengaruh bahasa ibunda terhadap kemahiran bertutur dalam kalangan murid India di sebuah sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 63–71.
- Cummins, J. (2000). *Language, power and pedagogy: Bilingual children in the crossfire*. Multilingual Matters.
- García, O., & Wei, L. (2014). *Translanguaging: Language, bilingualism and education*. Palgrave Macmillan.
- Krashen, S. (1985). *The input hypothesis: Issues and implications*. Longman.
- Kupusamy, D., Omar, M. S., & Samsudin, N. H. (2022). Speaking skills among Tamil national type school students at Seremban District. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2).
- Nor Hashimah Jalaluddin, & Azizah Hamzah. (2015). Pendekatan sosiolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 55–67.
- Saktianayakan, S. P. (2023). Attitude, practice and problems faced by Malay language teachers in Chinese and Tamil national-type school in applying fun learning in teaching. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(2), 130–143.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Yusof, N., & Yunus, M. M. (2020). The use of mother tongue in enhancing ESL students' comprehension of literary texts. *Asian Journal of University Education*, 16(3), 230–241.
- Zainal, Z., & Ramakrishnan, M. (2021). Pemerksaan pelajar melalui pendekatan translanguaging dalam pengajaran sastra. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 88–102.